

**Mesyuarat Penyelarasan Kursus Kemahiran Ilmu
Kepada Imam-Imam (Khatib) Masjid Kariah Negeri Pahang
Peringkat Daerah Bera Tahun 2023**



BERA, 25 MEI 2023: Bahagian Rujukan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pahang hari ini telah mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan Pejabat Agama Islam Daerah Bera.

Perbincangan menjurus kepada penganjuran Program Kursus Kemahiran Ilmu Kepada Imam-imam Kariah (Khatib) Masjid Kariah Peringkat Daerah Bera Tahun 2023. Program ini akan menekankan kepada latihan kemahiran untuk para pegawai masjid di daerah Bera, khusus dalam memahami etika serta protokol khutbah yang sebenar mengikut panduan hukum hakam syarak.

Jabatan Mufti Pahang diwakili oleh Ustaz Shaharuddin bin Haji Muhammad Nor (Ketua Penolong Mufti Bahagian Rujukan Fatwa), Ustaz Muhammad Hasnul Hakim bin Idrus, Ustaz Muhammad Fakhri Hasif bin Roslan dan Ustaz Muhammad IzzulHazim bin Abdul Aziz. Mesyuarat dipengerusikan oleh Al-Fadhil Mohd Azizi Bin Abdul Aziz, Qadhi Daerah Bera.